

LAPORAN ANALISA

KAJIAN IMPAK SOSIAL

PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL) (SEMASA)

HUTAN SIMPAN SERENDAH

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU SELANGOR



**PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN
BAGI PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL)
Semasa Pengusahasilan (Pengkuarian)**

PELESEN YANG TERLIBAT:

Penilaian dilaksanakan dengan menjalankan soalselidik terhadap penduduk Taman Desa Anggerik, Serendah yang berada lebih kurang radius 1 kilometer radius daripada kawasan pengusahasilan yang sedang dijalankan. Dalam soalselidik tersebut, seramai lima (4) orang responden sahaja yang memberi maklumbalas seperti berikut:

BIL	RESPONDEN
1.	Rosli bin Md Ali
2.	Zaharen bin Abd Rahman
3.	Bahar bin Nordin
4.	Anuar (Pengerusi Persatuan Penduduk)

Berdasarkan responden yang disoalselidik, ringkasan Analisa mengikut aspek adalah seperti berikut:

ASPEK	BILANGAN RESPONDEN MENGIKUT PERATUSAN (%)	
	YA	TIDAK
ALAM SEKITAR	60.00	40.00
SOSIAL	68.75	31.25
EKONOMI	20.00	80.00
KESIHATAN	33.33	66.67
FLORA FAUNA	58.33	41.67
JUMLAH	47.50	52.50

ULASAN DAN SYOR:

Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang dijalankan, Keputusan keseluruhan Analisa terhadap aspek seperti dinyatakan adalah sebanyak 52.50% berpendapat pengusahasilan yang sedang dijalankan tidak mendatangkan kesan negatif, manakala sebanyak 47.50% pula berpendapat Projek ECRL ini memberi kesan negatif kepada penduduk setempat.

Pejabat ini berpendapat projek ECRL yang sedang dijalankan di kawasan berhampiran Kompartmen 1, Hutan Simpan Serendah memberi impak negatif kepada penduduk setempat terutamanya dari segi aspek alam sekitar, sosial dan flora fauna yang memberi keputusan peratusan lebih 55.00%. Di mana, penduduk setempat banyak mengalami pencemaran udara terutamanya habuk dan banjir sekiranya hujan lebat kerana longkang yang sedia ada tidak dapat menampung air dan tersumbat.

Projek ECRL ini juga dijalankan secara Sistem Pengurusan Hutan yang cekap dan bersesuaian dengan penekanan kepada Pengurusan Hutan Secara Berkekalan serta pematuhan kriteria dan petunjuk MC&I (Hutan Asli), Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013), peraturan-peraturan dan syarat-syarat lesen yang berkuatkuasa. Selain itu, pemantauan secara berkala dijalankan bagi memastikan kerja pengusahasilan berjalan mengikut peraturan yang dikuatkuasakan.

GAMBAR PENYERAHAN ANALISA PENILAIAN IMPAK SOSIAL BAGI PROJEK ECRL (SEKSYEN 8)



GAMBAR EDARAN BORANG BANCIAN KEPADA WAKIL PENDUDUK

